

# **Perbandingan Gerakan Retorik Abstrak Makalah Berbahasa Melayu Terbitan Jurnal Berimpak Tinggi dan Tidak Berimpak**

Khairul Firhan Yusob<sup>1</sup> & Asyura Abd Nassir<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Kampus Jengka,  
26400 Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang, Malaysia

<sup>2</sup>Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik & Matematik, Universiti Teknologi MARA Pahang,  
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang, Malaysia

asyuraan@uitm.edu.my

\*Corresponding Author

*Received:* 31 December 2023

*Accepted:* 15 February 2024

*Date Published Online:* 15 March 2024

**Abstrak:** Abstrak merupakan salah satu komponen wajib bagi sesebuah makalah. Penulisan abstrak yang baik mampu menarik perhatian pembaca untuk mengetahui lebih lanjut tentang sesebuah makalah. Selain itu, penulisan abstrak turut menarik perhatian pengkaji wacana untuk mengetahui struktur gerakan retoriknya. Sehingga kini, terdapat banyak kajian yang memfokuskan gerakan retorik abstrak makalah yang berbahasa Inggeris. Hal ini bermakna kurang pendedahan diberikan kepada abstrak dalam Bahasa Melayu. Justeru, tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti struktur gerakan retorik abstrak berbahasa Melayu yang diterbitkan di dalam jurnal sama ada yang berimpak tinggi atau tidak berimpak. Untuk itu, 60 abstrak diekstrak daripada dua buah jurnal tempatan. Selanjutnya, semua abstrak dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti 23. Selain itu, kajian ini memanfaatkan kerangka analisis gerakan untuk abstrak. Kerangka ini dihasilkan daripada teori analisis genre. Struktur kerangka analisis tersebut bermula dengan Gerakan (*Move*) 1 atau G1: Pengenalan (*Introduction*), G2: Tujuan (*Purpose*), G3: Metodologi (*Method*), G4: Dapatan Kajian (*Production* atau *Results*), dan G5: Kesimpulan (*Conclusion*). Dapatan kajian menunjukkan pematuhan terhadap kerangka sedia ada yang tinggi dalam abstrak makalah terbitan jurnal berimpak tinggi manakala makalah terbitan jurnal tidak berimpak mempunyai abstrak yang lebih variasi dan tidak terikat dengan sejenis struktur sahaja. Kajian ini mampu membantu pengkaji dan penulis makalah berbahasa Melayu khususnya memahami struktur gerakan retorik sesebuah abstrak bagi tujuan penerbitan. Ia juga mampu dijadikan sebagai pendedahan bagi penulis baharu dalam bidang akademik.

**Kata kunci:** abstrak, genre, gerakan retorik, jurnal Melayu, makalah

## **Pengenalan**

Dalam dunia pendidikan, penulisan makalah di kalangan ahli akademik telah menjadi suatu kewajipan. Kebanyakan institusi pendidikan tinggi meletakkan syarat kepada ahli akademik seperti pensyarah atau penyelidik untuk menghasilkan sebilangan kertas kerja atau makalah. Lazimnya, kertas kerja atau makalah ini dihasilkan untuk penerbitan jurnal atau persidangan. Namun begitu, sering kali yang terjadi penerbitan kertas kerja yang dihasilkan melibatkan penggunaan bahasa Inggeris. Hal ini terjadi lantaran beberapa faktor, antaranya melibatkan kemampuan makalah yang ditulis dalam bahasa Inggeris lebih berpotensi untuk menembusi jurnal antarabangsa berimpak tinggi serta potensi makalah bahasa Inggeris untuk dibaca yang lebih tinggi.

Walaupun penerbitan kertas kerja banyak menggunakan bahasa Inggeris, namun pelbagai usaha telah giat dijalankan untuk menggalakkan penulisan makalah dalam bahasa Melayu. Secara jelasnya, usaha ini dilakukan untuk membantu menaikkan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan

seterusnya melonjakkannya ke peringkat yang lebih tinggi (Mohd Azhar & Kassim Thukiman, 2022). Usaha ini juga merupakan salah satu langkah yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk membesarkan ruang lingkup sebaran bahasa tersebut. Justeru, institusi pengajian tinggi awam dan swasta perlulah berganding bahu untuk memastikan usaha memartabatkan bahasa Melayu dapat direalisasikan. Salah satu cara untuk memperkasa penggunaan bahasa Melayu pastinya melalui penerbitan makalah dalam bahasa tersebut (Tuty Haryanti, 2023).

Sebagai sebuah entiti yang penting, abstrak sering kali digunakan sebagai panduan oleh pembaca untuk memahami keseluruhan makalah (Li, 2015). Lazimnya, sesebuah abstrak mengandungi pengenalan, tujuan, metodologi, dapatan kajian, dan serta kesimpulan. Semua elemen ini mampu menarik perhatian pembaca kerana memberikan gambaran keseluruhan kajian yang dijalankan (Alek et al., 2022). Selari dengan itu, amatlah penting bagi seseorang penulis makalah untuk memahami struktur abstrak yang telah menjadi kelaziman, lebih-lebih lagi penulis baru.

Kajian tentang abstrak telah banyak dijalankan dan kebanyakannya mengambil pendekatan analisa genre dengan melakukan penyelidikan gerakan retorik yang terdapat dalam abstrak makalah. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian tersebut hanya dilakukan kepada makalah berbahasa Inggeris (Al-Khasawneh, 2017; Bhatti et al., 2019; Khairul Firhan & Ahmad Nazri, 2022). Terdapat juga kajian yang membandingkan abstrak yang ditulis dalam bahasa Inggeris dengan bahasa lain seperti bahasa Indonesia (Pratiwi & Kurniawan, 2021), bahasa Parsi (Ghasempour & Farnia, 2017), dan bahasa Cina (Duan & Wei, 2021). Berdasarkan sorotan di atas, jelas sekali menampakkan kelompongan dalam penghasilan kertas kerja yang mengkaji abstrak untuk penulisan makalah berbahasa Melayu. Bertepatan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengisi kelompongan tersebut, di samping menjawab persoalan kajian yang diutarakan seperti di bawah:

#### **Persoalan kajian:**

1. Apakah gerakan retorik yang terdapat dalam abstrak makalah berbahasa Melayu?
2. Apakah bentuk susunan gerakan retorik dalam abstrak makalah berbahasa Melayu?
3. Apakah perbezaan antara abstrak berbahasa Melayu di dalam makalah berimpak tinggi dengan makalah tidak berimpak dari segi gerakan retorik?

#### **Sorotan Literatur**

Sorotan literatur ini dapat dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu definisi analisis gerakan, jenis-jenis gerakan, dan seterusnya kajian lampau tentang abstrak yang menggunakan pendekatan analisis genre. Kajian lampau abstrak dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kajian tentang struktur dan gerakan dalam abstrak dan perbandingan antara abstrak makalah bahasa Inggeris dengan bahasa lain.

Analisis gerakan (*Move analysis*) merupakan satu pendekatan analisis teks yang terkandung dalam teori analisis genre (*genre analysis*) yang telah dipelopori oleh Swales (1990). Pendekatan ini diperkenalkan dengan tujuan memberikan kefahaman yang mendalam tentang struktur dan ciri-ciri tulisan ilmiah, khususnya makalah akademik. Teori ini juga digunakan dengan meluas bagi membantu para penulis baru dalam bidang akademik untuk memahami kehendak penulisan sesuatu kertas kerja. Selain tu, pendekatan ini juga sesuai untuk mengetahui tujuan komunikatif (*communicative purposes*). Melalui pendekatan ini, pembaca makalah akademik dapat mengenal pasti bidang kajian, permasalahan yang diutarakan, dan keperluan penelitian dalam bidang kajian, sekali gus menunjukkan peranan atau tujuan setiap bahagian makalah tersebut.

Dalam penulisan yang lain, Swales (2004) mendefinisikan gerakan (*move*) sebagai unit retorik yang diperlukan bagi tujuan komunikatif yang jelas, sama ada bagi wacana berbentuk penulisan atau pengucapan. Gerakan merupakan komponen utama bagi sesebuah genre. Setiap gerakan dapat dibezakan oleh tujuan komunikatif yang berbeza (Bhatia, 1993; Swales, 1990, 2004). Kefahaman berkaitan gerakan adalah penting kerana ia dapat membantu penyelidik dan juga pembaca memahami corak dan struktur penulisan sesuatu jenis teks dan genre yang berbeza. Gerakan sering dilabel menggunakan kata nama (*noun*) kerana dapat mewakili tujuan komunikatif berbanding golongan kata yang lain.

Selain itu, Swales (1990) menggariskan empat jenis gerakan retorik berdasarkan susunan gerakan di dalam sesebuah teks. Jenis gerakan retorik yang pertama ialah linear. Gerakan retorik linear ini mempunyai pola atau susunan gerakan yang jelas dan teratur. Melalui gerakan ini, pembaca dapat mengikuti alur fikiran dan struktur teks dengan mudah. Seterusnya, merujuk kepada gerakan anomali (*anomalous*). Melalui pola gerakan anomali, gerakan tidak disusun mengikut pola umum atau struktur kebiasaan. Gerakan ini dicetuskan oleh keunikan atau ketidaksesuaian dengan struktur umum. Jenis gerakan ketiga ialah gerakan kitaran (*cyclical*) yang mempunyai pola gerakan yang berulang. Pengulangan ini mungkin disebabkan oleh kepentingan gerakan tersebut atau keperluan bagi gerakan tersebut untuk menyokong gerakan yang lain. Akhir sekali ialah gerakan terselit (*embedded*) yang mempunyai langkah-langkah atau elemen tertentu yang dimasukkan atau diselitkan ke dalam teks sebagai sebahagian dari langkah-langkah atau elemen yang lebih besar. Gerakan terselit terjadi apabila suatu konsep memerlukan penjelasan tambahan atau sokongan.

Kajian abstrak sebagai genre akademik turut digerakkan oleh Salager-Mayer (1990). Beliau mengkaji abstrak bagi kajian melibatkan bidang perubatan yang ditulis dalam bahasa Inggeris. Dalam kajian tersebut, beliau mengkaji 77 buah abstrak bagi bidang perubatan daripada tiga jenis medium teks yang berbeza, iaitu kertas kajian, laporan kes, dan kertas sorotan kajian. Kajian Salager-Mayer (1990) ini menentukan sama ada semua abstrak tersebut tersusun dengan baik (*well structured*) atau tidak (*poorly structured*). Salager-Mayer menggariskan tiga ciri-ciri abstrak yang baik, iaitu mempunyai empat gerakan retorik, susunan semantik gerakan, dan struktur pemerengganan.

Empat gerakan retorik yang dimaksudkan oleh Salager-Mayer merangkumi tujuan, metodologi, dapatan, dan kesimpulan, manakala susunan semantik gerakan pula merujuk kepada penyusunan gerakan dalam abstrak. Susunan gerakan ini harus ditulis mengikut susunan yang logik. Sebagai contoh, gerakan dapatan hendaklah ditulis sebelum tujuan dan metodologi kerana adalah penting bagi pembaca mengetahui sebab dan kaedah sesuatu kajian dijalankan sebelum didedahkan dengan hasil analisis kajian. Struktur pemerengganan pula hanya diguna pakai untuk abstrak yang ditulis dalam bentuk perenggan.

Kajian tersebut kemudian dikembangkan oleh Hyland (2000). Hyland meneliti 1040 buah abstrak daripada lapan bidang berbeza dengan jumlah token perkataan melebihi 156,000 patah. Semua bidang tersebut merangkumi disiplin ilmu berkaitan biologi molekular, fizik magnetik, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektronik, falsafah, sosiologi, pemasaran, dan linguistik terapan. Hasil penelitiannya, Hyland mengembangkan lagi gerakan retorik kepada lima gerakan dengan memasukkan gerakan pengenalan. Hal ini kerana beliau mendapati kebanyakan abstrak dimulakan dengan latar belakang subjek kajian sebelum disusuli dengan tujuan makalah ditulis.

Selari dengan pandangan Swales (1990) yang meletakkan tujuan komunikatif bagi persempadanan gerakan retorik, Hyland (2000) juga meneliti tujuan komunikatif untuk membezakan setiap gerakan dalam abstrak. Gerakan pertama, iaitu pengenalan yang bertindak sebagai pemberitahuan kepada latar belakang kajian. Diikuti dengan gerakan kedua, iaitu tujuan yang menyatakan sebab utama kajian dijalankan. Seterusnya, gerakan Metodologi menerangkan kaedah kajian yang digunakan. Dapatkan pula memperihalkan hasil penyelidikan dengan ringkas dan akhir sekali kesimpulan yang berfungsi sebagai penutup dengan memberikan kepentingan kajian atau cadangan bagi kajian akan datang. Hasil kajian Hyland (*ibid.*) ini telah digunakan secara meluas dan dikenali sebagai corak IMRD. Kajian beliau juga telah menjadi batu loncatan bagi kajian tentang abstrak yang dilakukan oleh sarjana selepas itu seperti yang dapat disaksikan di dalam kajian Samraj (2005), Al-Khasawneh (2017), dan Duan dan Wei (2021).

Dalam kajian Samraj (2005), sebanyak 24 makalah dalam bidang Sains Sekitaran telah dikaji. Samraj meninjau hubungan antara abstrak dan juga pengenalan yang terdapat di dalam makalah tersebut. Menggunakan pendekatan analisis genre oleh Swales (1990), Bhatia (1993), Hyland (2000), dan Santos (1996), kajian Samraj menemukan empat jenis gerakan bagi abstrak tersebut iaitu tujuan, metodologi, dapatan, dan kesimpulan. Jika dibandingkan dengan kajian lain yang meninjau gerakan retorik dalam abstrak, tujuan utama penggabungan semua pendekatan tersebut adalah untuk mengkaji kesinambungan antara abstrak dengan pengenalan. Beliau menggariskan bahawa terdapat persamaan antara dapatan kajian ini dengan dapatan kajian Hyland (2000) yang menegaskan kebanyakan abstrak makalah dari bidang sains tulen seperti Fizik dan Biologi tidak dimulakan dengan gerakan pengenalan, berbanding abstrak dari dalam bidang Sains Sosial seperti Sosiologi dan Falsafah.

Al-Khasawneh (2017) meninjau perbezaan gerakan retorik yang terdapat dalam abstrak berbahasa Inggeris bagi makalah bidang linguistik terapan yang ditulis oleh penutur asli dan penutur bukan asli bahasa tersebut. Sebanyak 20 buah abstrak daripada dua buah jurnal berbahasa Inggeris digunakan bagi memenuhi objektif kajian ini. Menggunakan pendekatan oleh Hyland (2000) yang menekankan lima gerakan retorik, kajian yang dilakukan oleh Al-Khasawneh ini menemui persamaan antara kedua-dua kumpulan penulis. Persamaan ini dapat dilihat daripada aspek penulisan gerakan tujuan, metodologi, dan dapatan. Namun begitu, terdapat perbezaan bagi gerakan pengenalan dan kesimpulan.

Duan dan Wei (2021) menghasilkan kajian perbandingan antara abstrak makalah berbahasa Inggeris dengan bahasa Cina. Bagi tujuan kajian, sebanyak 60 buah abstrak yang diterbitkan dalam kedua-dua bahasa, iaitu 30 buah abstrak bagi bahasa Cina dan 30 buah abstrak bagi bahasa Inggeris telah dianalisis. Semua makalah dipilih secara rawak dalam bidang undang-undang. Kajian ini menggabungkan pendekatan analisis genre oleh Swales (1990) dan juga Hyland (2000). Oleh sebab itu, Duan dan Wei (2021) menggariskan kerangka analisis baharu hasil gabungan dua pendekatan tersebut. Gabungan pendekatan ini mengandungi empat gerakan, iaitu pengenalan, pengisian kelompongan, metodologi, dan sumbangan. Setiap gerakan memiliki langkah (*step*) tertentu untuk memenuhi gerakan tersebut. Hasil analisis mendapati, gerakan pengenalan, pengisian kelompongan (*gap-filling*), dan sumbangan merupakan suatu kemestian yang perlu ada dalam penulisan, manakala gerakan metodologi hanyalah satu pilihan dalam abstrak kedua-dua bahasa.

Berdasarkan sorotan literatur, jelas terbukti bahawa analisis gerakan merupakan suatu pendekatan yang telah digunakan secara meluas dalam kajian genre. Analisis ini tidak sahaja merangkumi kajian abstrak berbahasa Inggeris, malah turut digunakan bagi mengkaji abstrak yang ditulis di dalam bahasa lain. Selain itu, perbandingan penulisan abstrak bagi penutur asli dan bukan asli bahasa Inggeris juga telah dilakukan. Walau bagaimanapun, terdapat kelompongan bagi kajian abstrak berbahasa Melayu yang masih belum ditulis oleh mana-mana sarjana. Justeru, kajian ini dilakukan bagi mengisi kelompongan tersebut.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan analisis teks iaitu abstrak makalah terbitan jurnal berimpak tinggi (JBT) dan tidak berimpak (JTB). Korpus yang digunakan untuk analisis data bagi kajian ini terdiri daripada 60 buah abstrak, iaitu 30 daripadanya terbitan JBT dan 30 lagi diterbitkan oleh JTB. Semua abstrak yang digunakan adalah daripada bidang linguistik terapan, dipilih secara rawak, dan diterbitkan antara tahun 2020 sehingga 2023. Abstrak makalah terbitan JBT diekstrak daripada jurnal *GEMA Online® Journal of Language Studies* yang diterbitkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia, manakala abstrak makalah terbitan JTB diambil daripada Jurnal Bahasa terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kedua-dua buah jurnal mula diterbitkan pada tahun 2001 dan mengetengahkan bahasa dan linguistik terapan sebagai bidang utama kajian. Kajian-kajian ini termasuk kajian sastera, terjemahan, dan pendidikan bahasa.

Perbezaan yang ketara antara kedua-dua buah jurnal tersebut merujuk kepada kekerapan penerbitan dan pengindeksan jurnal. Jurnal *GEMA* bermula dengan hanya sekali penerbitan dalam tempoh setahun dan meningkat kepada tiga kali penerbitan dan kini menerbitkan empat isu dalam tempoh setahun. Berbeza dengan Jurnal Bahasa yang melibatkan empat kali penerbitan dalam masa setahun pada awal kewujudannya tetapi kini hanya diterbitkan dua kali sahaja setahun. Selain itu, jurnal *GEMA* diindeks oleh badan pengindeksan utama dunia seperti ESCI (Wos), Scopus, Linguistics Abstracts Online (Wiley-Blackwell), Communication & Mass Media Complete (EBSCO), Linguist List, Open J-Gate, Ulrichs Web Global Seroals Directory, Directory of Open Access Journals (DOAJ), UDLEDGE, ASFT Plus Indeks, Islamic World Science Citation Center, MyCite, ASEAN Citation Index (ACI), dan ERA. Jurnal Bahasa pula hanya diindeks oleh Google Scholar, DOAJ, MyCite, dan MyJurnal.


Token perkataan bagi kedua-dua subkorpora juga menunjukkan jurang yang besar. Abstrak makalah terbitan *GEMA* mempunyai 7717 token perkataan dan 1722 jenis perkataan, manakala abstrak makalah terbitan Jurnal Bahasa pula berjumlah 6214 token perkataan dan 1529 jenis perkataan. Token perkataan merujuk kepada jumlah perkataan keseluruhan dalam sesuatu korpus

termasuk perkataan yang berulang, manakala jenis perkataan merujuk kepada jumlah jenis perkataan yang digunakan dalam korpus tetapi tidak mengambil kira pengulangan perkataan (Hilpert & Saavedra, 2017; Perek, 2016). Bagi tujuan pengiraan token perkataan dan jenis perkataan, kajian ini menggunakan perisian Antconc 3.5.8 (Anthony, 2019). Jadual 1 menunjukkan perbezaan jumlah perkataan antara kedua-dua subkorpora.

**Jadual 1.** Perbezaan token perbezaan antara abstrak bagi artikel terbitan *GEMA* dan Jurnal Bahasa

Nama Jurnal	Token Perkataan	Jumlah Jenis Perkataan
<i>GEMA</i> (GBT)	7717	1722
Jurnal Bahasa (JTB)	6214	1529

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kualitatif dan kuantitatif. Bagi pendekatan kualitatif, teori analisis genre oleh Swales (1990) dijadikan kerangka teori utama, manakala kerangka analisis pula dipandu oleh Hyland (2000). Kerangka oleh Hyland ini merupakan kerangka yang kukuh dan telah banyak digunakan dalam banyak kajian sebelum ini. Sila rujuk Sorotan Literatur bagi kupasan mendalam tentang kajian tersebut. Setelah diekstrak daripada makalah asal, semua abstrak tersebut diletakkan di dalam perisian Word sebelum ditukar kepada format *pdf* bagi tujuan analisis. Analisis dilakukan menggunakan perisian Atlas.ti 23. Rajah 1 menunjukkan contoh bagi salah satu analisis abstrak menggunakan perisian tersebut.



**Rajah 1** Analisis gerakan retorik menggunakan perisian Atlas.ti 23

Semua data dianalisis oleh penulis secara berasingan bagi mengelakkan berlakunya percanggahan. Kemudian, penulis menilai analisis yang secara bersama bagi memperoleh kebolehpercayaan (*reliability*) terhadap analisis. Hasil peratusan bagi penilaian ialah sebanyak 90% dengan beberapa gerakan tidak dipersetujui secara bersama oleh penulis. Persetujuan sepenuhnya diperolehi setelah perbincangan bersama.

Pendekatan analisis kuantitatif pula digunakan untuk menilai peratusan kekerapan gerakan. Bagi tujuan ini, semua gerakan bagi abstrak makalah dikira secara manual berdasarkan input daripada analisis kualitatif. Seterusnya peratusan bagi setiap gerakan dihitung.

## Dapatan Kajian

Kajian ini dipandu oleh tiga persoalan utama bagi mengenal pasti gerakan retorik dalam abstrak makalah Bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini juga memperlihatkan perbandingan antara abstrak makalah terbitan JBT (*GEMA*) dan JTB (*Jurnal Bahasa*).

### Gerakan Getorik

Hasil penelitian daripada kajian ini, didapati bahawa kebanyakan abstrak makalah terbitan *GEMA* mempunyai semua gerakan retorik seperti yang disarankan oleh Hyland (2000), manakala abstrak makalah terbitan *Jurnal Bahasa* pula menunjukkan sebaliknya. Keadaan ini dapat dilihat dalam kebanyakan abstrak *Jurnal Bahasa* yang tidak mengaplikasikan sekurang-kurangnya satu jenis gerakan. Jadual 2 menunjukkan gambaran keseluruhan dapatan kajian ini.

**Jadual 2.** Gerakan retorik dalam abstrak makalah terbitan *GEMA* dan *Jurnal Bahasa*

Gerakan	<i>GEMA (JBT)</i>	<i>Jurnal Bahasa (JTB)</i>
	Peratusan Kekerapan (%)	Peratusan Kekerapan (%)
Pengenalan	100	77
Tujuan	93	83
Metodologi	100	100
Dapatkan	100	97
Kesimpulan	73	53

Seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 2, abstrak makalah terbitan *GEMA* mempunyai peratusan kekerapan yang lebih tinggi bagi semua gerakan retorik berbanding abstrak makalah *Jurnal Bahasa*. Selain itu, hasil analisis juga mendapati hanya gerakan Metodologi sahaja yang dipatuhi oleh abstrak terbitan jurnal tersebut berbanding tiga gerakan bagi abstrak terbitan *GEMA*.

Gerakan pengenalan bertujuan memperihalkan latar belakang sesuatu subjek kajian. Gerakan ini ditemui dalam semua abstrak JBT dan peratusan kekerapan sebanyak 100%, manakala bagi abstrak JTB hanya menemui 77% kekerapan daripada keseluruhan abstrak. Dapatkan ini agak bercanggah dengan kajian lain yang menemui pengenalan sebagai gerakan yang kurang penting. Walaupun kenyataan ini mungkin benar bagi abstrak JTB, tetapi gerakan pengenalan merupakan satu elemen penting dalam abstrak JBT (Anderson & Maclean, 1997; El-Dakhs, 2018). Contoh gerakan pengenalan boleh dilihat di dalam petikan di bawah:

*Dialek Melayu Midai merupakan dialek yang dituturkan di Pulau Midai, kabupaten Natuna, Indonesia. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti inventori fonem dan menganalisis inventori fonem berdasarkan pendekatan struktural seperti yang telah dipelopori oleh Ferdinand de Saussure. (Abstrak\_JB6)*

Gerakan kedua pula ialah tujuan yang berfungsi untuk menyampaikan objektif sesuatu kajian. Walaupun gerakan ini kebiasaannya merupakan gerakan kedua dalam abstrak (Hyland, 2000) tetapi terdapat sebilangan abstrak yang meletakkannya pada awal penulisan. Gerakan ini tidak ditemui dalam semua abstrak JBT dan JTB dengan masing-masing mempunyai peratusan kekerapan sebanyak 93% dan 83%. Dapatkan ini adalah selari dengan Salager-Mayer (1990) dan Samraj (2005) yang menemui gerakan ini dalam tiga perempat daripada keseluruhan abstrak yang mereka kaji. Contoh gerakan tujuan adalah seperti berikut:

*Oleh itu, objektif kajian ini ialah menganalisis dan membandingkan hasil penterjemahan ungkapan idiom Arab-Melayu antara GT dengan terjemahan kamus menurut kaedah penterjemahan idiom dan merumuskan Teknik terbaik penterjemahan idiom Arab-Melayu menggunakan Google Translate. (Abstrak\_GEMA3)*

Seterusnya ialah gerakan metodologi yang menjelaskan perihal kaedah kajian dalam penulisan makalah. Gerakan ini merupakan gerakan terpenting di dalam kajian ini kerana bahagian ini ditemui dalam semua abstrak bagi kedua-dua jurnal. Pemerhatian yang sama juga dapat dilihat dalam kajian sebelum ini (Al-Khasawneh, 2017; Behnam & Golpour, 2014). Selari dengan itu, peratusan kekerapan bagi gerakan ini ialah 100% bagi JBT dan JTB. Petikan di bawah merupakan salah satu contoh gerakan ini ditulis:

*Perbincangan kajian ini tertumpu pada fungsi yang didukung oleh penanda wacana adapun yang hadir sebagai alat perpautan nahan seperti yang dicadangkan dalam Teori Kohesi oleh Halliday dan Hasan (1995). Analisis makalah ini direalisasikan dengan menggunakan data kekerapan adapun yang diambil daripada Malay Concordance Project (MCP) secara atas talian. (Abstrak\_JB2)*

Gerakan yang seterusnya ialah gerakan dapatan yang melaporkan secara ringkas hasil analisis sesebuah kajian. Gerakan ini mempunyai peratusan kekerapan sebanyak 100% bagi abstrak JBT kerana merupakan bahagian penting dalam sesuatu kajian. Melalui gerakan ini, pembaca dapat mengetahui secara ringkas tentang hasil dapatan dalam sesebuah makalah (Hartley, 2003; Khairul Firhan & Ahmad Nazri, 2022). Walau bagaimanapun, peratusan kekerapan gerakan ini hanyalah sebanyak 97% bagi abstrak JTB kerana terdapat sebuah abstrak yang tidak menggunakannya. Contoh gerakan ini dapat dilihat di dalam petikan di bawah:

*Dapatkan menunjukkan bahawa tahap penguasaan kecekapan budaya pelajar jurusan bahasa Arab di dua buah institusi perguruan tersebut adalah pada aras sederhana rendah, iaitu dengan nilai min markah sebanyak 53.44%. Hasil tinjauan temu bual pula mendedahkan bahawa pelajar kurang diberi penekanan aplikasi dan praktikal tentang elemen budaya dalam terjemahan. (Abstrak\_GEMA\_13)*

Gerakan terakhir ialah kesimpulan. Gerakan ini menjadi penutup kepada sesebuah abstrak dengan memberi kesimpulan ringkas atau menerangkan impak kajian. Meskipun begitu, kebanyakan abstrak tidak melihat kepentingan gerakan ini. Hal ini dapat dibuktikan dengan kurangnya peratusan abstrak yang menerapkan gerakan ini untuk kedua-dua jurnal (Çandarlı, 2012; Kaya, 2020). Bagi JBT, peratusannya ialah sebanyak 73%, manakala JTB mempunyai peratusan sebanyak 53%. Contoh gerakan kesimpulan adalah seperti di bawah:

*Implikasinya, usaha lebih gigih daripada pelbagai pihak terutamanya PBT untuk terus mengukuhkan penggunaan BK di kawasan pentadbirannya menerusi usaha-usaha pemantapan dan penguatkuasaan undang-undang amat perlu digiatkan kerana walaupun responden kajian menunjukkan sikap positif terhadap kepentingan pemartabatan BK di tempat awam, namun realiti dapat menunjukkan tahap penggunaan BK berada pada tahap lemah. (Abstrak\_GEMA25)*

## **Susunan Gerakan Retorik**

Dalam penulisan akademik, susunan gerakan retorik amat penting kerana dapat membantu pembaca memahami struktur genre dengan lebih baik. Selain itu, susunan gerakan retorik ini juga dapat membantu penulis baharu sewaktu menghasilkan penulisan akademik. Dalam kajian ini, analisis susunan gerakan retorik dalam kedua-dua abstrak JBT dan JTB mendapat pematuhan terhadap susunan gerakan retorik ini agak ketara kewujudannya. Abstrak makalah JBT didapati lebih cenderung kepada susunan seperti yang dicadangkan oleh Hyland (2000), manakala abstrak makalah JTB pula didapati kurang seragam susunannya. Dapatan bagi analisis susunan gerakan retorik bagi kedua-dua jurnal boleh dilihat di dalam Jadual 3 di bawah. Bagi tujuan analisis, gerakan pengenalan dilabelkan 1, tujuan dilabelkan 2, metodologi dilabelkan 3, dapatan dilabelkan 4, dan kesimpulan pula dilabelkan 5.

**Jadual 3.** Susunan gerakan retorik abstrak makalah terbitan GEMA dan Jurnal Bahasa

	<i>GEMA (JBT)</i>		<i>Jurnal Bahasa (JTB)</i>	
Bil.	Jenis Susunan	Kekerapan	Jenis Susunan	Kekerapan
1	1-2-3-2-3-4-5	1	1-2-3-4	5
2	1-2-3-4	5	1-2-3-4-5	6
3	1-2-3-4-5	18	1-3-	1
4	1-3-2-3-4-5	1	1-3-2-3-4	1
5	1-3-2-4-5	1	1-3-2-4	1
6	1-3-4-	1	1-3-4-	1
7	1-3-4-5	1	1-3-4-5	3
8	2-1-3-4	1	2-1-3-4	2
9	2-1-3-4-5	1	2-1-3-4-5	3
10			2-3-2-3-4-5	2
11			2-3-4-	3
12			2-3-4-3-4-5	1
13			2-3-4-5	1

\*1=Pengenalan, 2=Tujuan, 3=Metodologi, 4=Dapatan, 5=Kesimpulan

Jadual 3 menunjukkan 9 jenis susunan gerakan retorik bagi JBT dan 13 jenis susunan gerakan retorik bagi JTB. Terdapat 18 abstrak JBT yang memenuhi susunan gerakan seperti yang dicadangkan oleh Hyland (2000), manakala hanya 6 abstrak JTB ditemukan memenuhi susunan yang sama. Susunan yang mempunyai kekerapan kedua tertinggi ialah 1-2-3-4 di mana gerakan Kesimpulan tidak dimasukkan. Jumlah kekerapan susunan tersebut bagi kedua-dua jurnal ialah lima. Dapatkan bagi persoalan ini juga mendapat hanya terdapat dua abstrak JBT yang tidak dimulakan dengan gerakan pengenalan, manakala amalan yang sama dijumpai dalam 10 buah abstrak JTB yang membentuk enam jenis gerakan retorik.

Terdapat beberapa jenis gerakan seperti yang dijelaskan oleh Swales (1990) yang dapat membentuk sesebuah teks (rujuk sorotan literatur). Jenis-jenis gerakan ini juga dapat dilihat terselit dalam korpus data kajian ini. Gerakan linear misalnya, ditulis dengan mengikut susunan langkah seperti cadangan Hyland (2000). Contoh gerakan ini dapat dilihat seperti contoh di bawah:

*Penolakan ajakan adalah lakuan bahasa yang menarik untuk dikaji, terutamanya apabila pertukaran bahasa berlaku dalam konteks antara budaya. (pengenalan) Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti strategi penolakan ajakan yang digunakan oleh penutur bahasa Jepun berbangsa Melayu serta menjelaskan “kesan kesantunan” terhadap strategi tersebut. Data kajian ini diperolehi melalui kaedah lakonan terbuka menerusi perkhidmatan rangkaian sosial (SNS) serta temu bual pasca lakonan. (tujuan) Kajian ini membuat perbandingan dari sudut kekerapan penggunaan formula semantik serta purata penggunaan formula semantik per kapita di antara 20 orang penutur asli bahasa Melayu (MNS) dengan 20 orang penutur asli bahasa Jepun (JNS). Perbandingan turut dilakukan dalam konteks bahasa ibunda mahupun konteks antara budaya. Kesan kesantunan ditentukan berdasarkan kerangka Teori Kesantunan Wacana. (Metodologi) Hasil kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan strategi yang diambil oleh MNS dalam Bahasa Jepun menghasilkan kesan kesantunan yang positif/neutral kerana MNS telah berjaya untuk menyesuaikan diri dengan norma dalam bahasa sasaran. MNS telah berubah untuk menitikberatkan kesantunan negatif dalam konteks antara budaya dengan mengurangkan jumlah penggunaan formula semantik serta memperbanyakkan penggunaan {sebab kabur} dan {reaksi positif} mengikut cara penolakan positif/neutral kerana MNS telah berjaya untuk menyesuaikan diri dengan norma dalam bahasa sasaran. MNS telah berubah untuk menitikberatkan kesantunan negatif dalam konteks*

antara budaya dengan mengurangkan jumlah penggunaan formula semantik serta memperbanyak penggunaan {sebab kabur} dan {reaksi positif} mengikut cara penolakan JNS secara proaktif. Strategi tidak tipikal yang digunakan oleh MNS juga masih dapat diterima oleh JNS kerana penerima mesej menetapkan "julat toleransi" secara meluas. Satu kes salah faham dalam konteks antara budaya ditemui disebabkan oleh pengaruh daripada imej "parti di rumah" yang berlainan di antara MNS dengan JNS. (**Dapatkan**) Kajian ini telah membuktikan daya keterbukaan dalam masyarakat Melayu apabila MNS berkomunikasi dalam konteks antara budaya. (**Kesimpulan**) (Abstrak\_GEMA11)

Jenis gerakan anomali juga dapat ditemui dalam korpus data kajian ini. Penggunaan gerakan anomali dapat dilihat melalui penyusunan pola gerakan yang tidak seragam (Johns, 2015; Swales, 1990). Sebagai contoh, gerakan kedua ditulis dahulu kemudian baharu diikuti gerakan pertama, kelima, ketiga, dan keempat. Teks yang mempunyai gaya penulisan pola gerakan seperti ini memerlukan pemahaman pembaca yang lebih berpengalaman. Dalam kajian ini, contoh gerakan anomali dapat dilihat seperti di bawah:

*Karya kreatif bergenre sastera, iaitu The Great Gatsby (1925) merupakan antara novel klasik yang masih mendapat tempat di hati golongan penggemar novel sehingga sekarang. Populariti karya ini secara langsung telah memberikan peluang kepada penghasilan karya terjemahannya kepada bahasa Melayu yang bertajuk Tuan Gatsby (1988). Gaya penulisan dan lengkok bahasa yang dipamerkan dalam karya asal menyerlahkan kreativiti pengarang asalnya. Antara gaya penulisan yang istimewa hadir dalam karya masyhur ini ialah unsur "aforisme", iaitu unsur penulisan yang merujuk penggunaan bahasa perlambangan yang menunjukkan makna persamaan dan perbezaan dalam mesej, seperti simpulan bahasa, perumpamaan dan satira. (**Pengenalan**) Oleh hal yang demikian, menerusi analisis perbandingan teks sumber dan teks sasaran, fokus pemerhatian dibuat terhadap terjemahan aforisme dalam penulisan ini. (**Metodologi**) Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis aforisme yang hadir dalam karya asli, diikuti dengan penelitian terhadap terjemahan aforisme yang dihasilkan dalam karya terjemahan. Penelitian terhadap pendekatan terjemahan dan prosedur terjemahan yang dimanfaatkan oleh penterjemah juga dilakukan. (**Tujuan**) Dapatkan analisis menunjukkan terdapat enam jenis aforisme khusus yang ditemui dalam karya asal, iaitu aforisme berbentuk bayangan perwatakan watak, aforisme berbentuk pengakuan, aforisme berbentuk metafora, aforisme berbentuk usikan stereotaip, aforisme berbentuk usikan andaian budaya dan aforisme berbentuk klu jawapan seperti yang dikemukakan dalam kajian Angel-Lara (2015). Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terjemahan aforisme dalam karya Tuan Gatsby (1988) dilihat berjaya mengekalkan nilai estetikanya menerusi penggunaan pendekatan dinamik yang dikemukakan oleh Nida (1964) sebagai pendekatan terjemahan utama. (**Dapatkan**) (Abstrak\_JB25)*

Jenis gerakan seterusnya ialah kitaran yang mempunyai struktur berulang-ulang (Nathan, 2016; Swales, 1990). Struktur ini juga dapat dilihat dengan jelas di dalam beberapa buah abstrak terutamanya dalam JTB. Salah satu contoh bagi jenis gerakan ini dapat dilihat seperti di bawah:

*Makalah ini mencerakin dan membandingkan persamaan dan perbezaan kata kerja berimbuhan meN dan padanannya dalam bahasa Cina. (**Tujuan**) Kamus dwibahasa yang dijadikan korpus kajian ialah Kamus Umum Bahasa Melayu-Cina Serba Baru (2015). (**Metodolodi**) Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau aspek bandingan linguistik bagi kata kerja berimbuhan meN- dan padanannya dalam bahasa Cina untuk mengetahui aspek perbezaan dan persamaan kedua-dua bahasa tersebut menganggu pemahaman dan pemerolehan bahasa Melayu oleh pengguna kamus, sekali gus menawarkan rujukan bagi penyediaan padanan dalam kamus dwibahasa Melayu-Cina. (**Tujuan**) Kajian ini memanfaatkan teori bandingan interlingual, teori Hartmann tentang leksikografi, serta pendekatan Nik Safiah dan rakan-rakan tentang kata kerja dan imbuhan. (**Metodologi**)*

*Bandingan interlingual bagi kata kerja berimbuhan meN- dan padanannya dalam bahasa Cina menunjukkan bahawa kata kerja berimbuhan meN- dalam bahasa Melayu dan padanannya dalam bahasa Cina mempunyai persamaan dan perbezaan dari segi tatabahasa. Perbezaan yang paling ketara antara kata kerja berimbuhan meN- dan padanannya dalam bahasa Cina ialah kata kerja dalam bahasa Melayu mempunyai pengimbuhan dan perubahan bentuk tetapi hal ini tidak berlaku dalam kata kerja bahasa Cina. (Dapatan) Kesedaran tentang perbezaan ini amat penting bagi penyusunan kamus dwibahasa Melayu-Cina bagi membantu pengguna kamus, bukan sahaja memahami, malahan berupaya untuk membandingkan makna dan penggunaan kata terbitan yang berlainan bagi kata kerja berimbuhan meN-. (Kesimpulan) (Abstrak\_JB19)*

### **Perbezaan antara Abstrak Makalah Terbitan Jurnal Berimpak Tinggi dengan Jurnal Tidak Berimpak**

Menerusi dapatan kajian yang menjawab dua persoalan di atas, terdapat beberapa perbezaan yang ketara antara abstrak makalah bagi kedua-dua buah jurnal. Perbezaan ini dapat dilihat daripada aspek jumlah token perkataan, kepatuhan terhadap gerakan dalam abstrak, peratusan gerakan, dan juga cara gerakan-gerakan retorik ini disusun.

Daripada aspek saiz korpus, perbezaan yang jelas dapat dilihat menerusi jumlah token perkataan, iaitu abstrak makalah JBT mempunyai lebih 1503 perkataan berbanding abstrak makalah JTB. Pemerhatian yang lebih mendalam menunjukkan perbezaan ini terjadi kerana abstrak makalah bagi JBT menggunakan jumlah perkataan yang lebih banyak bagi memenuhi semua gerakan dalam abstrak.

Perbezaan juga dapat dilihat melalui kepatuhan terhadap corak gerakan seperti yang diperkenalkan oleh Hyland (2000). Kepatuhan yang tinggi dapat dilihat dalam abstrak makalah JBT, manakala abstrak makalah JTB kekurangan sekurang-kurangnya satu gerakan. Hasil tinjauan dan pemerhatian ke atas garis panduan yang diberikan kepada penulis bagi kedua-dua buah jurnal, JBT tidak menyatakan secara langsung gerakan-gerakan yang perlu dipatuhi oleh penulis, manakala JTB sangat menekankan keperluan elemen tujuan, metodologi, dapatan, dan kesimpulan yang diperlukan di dalam sesebuah abstrak. Fenomena yang sama juga dapat dilihat dalam kajian El-Dakhs (2018).

Bagi jumlah gerakan pula, peratusan yang tinggi dapat dilihat dalam abstrak makalah JBT dengan tiga gerakan merekodkan kekerapan sebanyak 100%, manakala JTB pula hanya mempunyai satu gerakan iaitu metodologi yang mempunyai 100% kekerapan. Walaupun JTB telah menggariskan dengan jelas tentang keperluan elemen-elemen lain, namun peraturan ini tidak dipatuhi oleh kebanyakan penulis. Senario ini juga menunjukkan kekurangan penelitian terhadap abstrak yang diterbitkan oleh JTB.

Corak penyusunan gerakan juga merupakan satu ciri yang ketara antara kedua-dua abstrak makalah JBT dengan JTB. Sebagai contoh, kebanyakan abstrak makalah JBT memenuhi jenis susunan pengenalan-tujuan-metodologi-dapatan-kesimpulan. Abstrak bagi makalah JTB pula mempunyai pelbagai susunan dan tidak seragam.

### **Kesimpulan**

Kajian ini membandingkan gerakan retorik abstrak berbahasa Melayu bagi makalah dalam bidang bahasa dengan linguistik terapan. Sebanyak 30 abstrak terbitan JBT dan 30 abstrak terbitan JTB yang diterbitkan pada tahun 2020 sehingga 2023 dipilih secara rawak sebagai data korpus kajian ini. Kerangka analisis oleh Hyland (2000) digunakan sebagai panduan dalam untuk menganalisis data tersebut.

Dapatan kajian mengenal pasti pengaplikasian lima gerakan retorik dalam abstrak iaitu pengenalan, tujuan, metodologi, dapatan dan kesimpulan. Secara jelasnya, semua gerakan ini telahpun digunakan oleh penulis-penulis yang berpengalaman. Bukan itu sahaja, malah kebanyakan jurnal berimpak tinggi menggariskan keperluan penulisan abstrak mengikut corak gerakan ini. Namun begitu, abstrak terbitan JBT didapati lebih mematuhi susunan gerakan retorik berbanding abstrak JTB

walaupun dalam kajian ini abstrak JBT tidak menyatakan langsung tentang gerakan retorik dan susunannya dalam panduan penulisan yang diberikan kepada penulis. Justeru, adalah lebih baik jika JTB menggalakkan dan memastikan penulisan abstrak yang mematuhi susunan gerakan retorik iaitu pengenalan-tujuan-metodologi-dapatan-kesimpulan kerana dapat memudahkan pembaca memahami penulisan (Hartley, 2003).

Perbezaan-perbezaan yang dinyatakan di atas merupakan satu kelaziman yang diamalkan oleh kebanyakan JBT dan JTB (El-Dakhs, 2018). Kajian-kajian lain yang menggunakan analisis genre sebagai pendekatan kajian juga mencatatkan perbezaan yang hampir serupa walaupun lebih tertumpu kepada bahagian lain dalam makalah (Geng et al., 2023; Kanafani, 2022; Suryawinata et al., 2023). Kesimpulannya, makalah terbitan JBT mempunyai struktur yang lebih seragam dan lebih mudah difahami pembaca.

Kajian ini merupakan kajian rintis yang membandingkan abstrak bagi dua jurnal berbahasa Melayu. Oleh sebab kebanyakan kajian tentang makalah berkisarkan bahasa Inggeris dan juga ditulis di dalam bahasa tersebut, kajian ini diharapkan mampu menjadi pemangkin kepada kewujudan lebih banyak kajian yang melibatkan makalah berbahasa Melayu. Selain itu, kajian ini juga mampu membantu penulis baharu untuk memahami kehendak sebenar JBT di dalam penulisan abstrak.

## Cadangan Kajian Masa Hadapan

Kajian wacana telah banyak dilakukan dalam bidang kajian bahasa atau linguistik. Walau bagaimanapun, masih lagi terdapat kelompongan bagi sumber dan wacana Bahasa Melayu sehingga ke hari ini. Selain itu, kebanyakan kajian wacana ini mengambil pendekatan kajian selain analisis genre. Justeru, kelompongan ini haruslah diisi dengan memperbanyak kajian analisis genre bagi sumber Bahasa Melayu. Antara contoh kajian berdasarkan teori analisis genre yang boleh dilakukan termasuk genre akademik seperti tesis dan makalah akademik. Selain itu kajian juga boleh dijalankan ke atas genre profesional seperti e-mel di tempat kerja (Khairul Firhan & Khairunisa, 2023), laporan tahunan syarikat yang diterbitkan dalam bahasa Melayu dan risalah yang disebarluaskan kepada orang awam juga. Sehingga kini, kebanyakan penulisan bagi genre tersebut dilakukan dalam bahasa Inggeris. Justeru, kajian ke atas genre berbahasa Melayu dapat memberikan gambaran silang budaya yang mungkin tercetus hasil penelitian analisis genre. Fenomena ini berlaku kerana genre boleh berubah mengikut budaya atau resam sesuatu komuniti (Bhatia, 1993, 2017).

## Sumbangan Penulis

Penulis mengesahkan tiada konflik berkepentingan bagi makalah ini. Penulis 1 memberi idea, mengumpul data dan menulis sorotan literatur, metodologi serta dapatan kajian. Penulis 2 menulis pengenalan dan kesimpulan. Analisis data dilakukan bersama-sama oleh penulis 1 dan 2.

## Rujukan

- Alek, A., Marzuki, A. G., Hidayat, D. N., & Fauzji, F. (2022). The discourse structure and linguistic features of research articles and thesis abstracts in English by Indonesian academics. *Journal of Education, Language Innovation, and Applied Linguistics*, 1(1), 37-44.
- Al-Khasawneh, F. M. (2017). A genre analysis of research article abstracts written by native and non-native speakers of English. *Journal of Applied Linguistics and Language Research*, 4(1), 1-13.
- Anderson, K., & Maclean, J. (1997). A Genre Analysis Study of 80 Medical Abstracts. *Edinburgh working papers in applied linguistics*, 8, 1-23.
- Anthony, L. (2019). *AntConc* (Version 3.5. 8) [Computer Software]. Waseda University. <https://www.laurenceanthony.net/software/antconc/>
- Behnam, B., & Golpour, F. (2014). A genre analysis of English and Iranian research articles abstracts in applied linguistics and mathematics. *International Journal of Applied Linguistics and English Literature*, 3(5), 173-179.

- Bhatia, V. K. (1993). *Analysing genre: Language use in professional settings*. Routledge.
- Bhatti, I. A., Mustafa, S., & Azher, M. (2019). Genre analysis of research article abstract in linguistics and literature: A cross disciplinary study. *International Journal of English Linguistics*, 9(4), 42-50.
- Çandarlı, D. (2012). A Cross-cultural investigation of English and Turkish research article abstracts. *Studies About Languages*, 20, 12-17.
- Duan, J., & Wei, J. (2021). A genre analysis of English and Chinese legal research article abstracts - A corpus-based approach. *Journal of Language Teaching and Research*, 12(5), 810-821.
- El-Dakhs, D. A. S. (2018). Comparative genre analysis of research article abstracts in more and less prestigious journals: Linguistics journals in focus. *Research in Language (RiL)*, 16(1), 47-63.
- Feltrim, V., Aluisio, S. M., & Nunes, M. (2003). Analysis of the rhetorical structure of computer science abstracts in Portuguese. In D. Archer, P. Rayson, A. Wilson, & T. McEnery (Eds.), *Proceedings of Corpus Linguistics 2003, Special Issue of UCREL Technical Papers*. (Vol. 16, part 1, pp. 212-218).
- Geng, H., Lee, G. I., Jalaluddin, I., & Tan, H. (2023). Rhetorical moves of introduction sections in English linguistics research articles from two non-scopus and two scopus journals. *Theory and Practice in Language Studies*, 13(8), 2087-2096.
- Ghasempour, B., & Farnia, M. (2017). Contrastive move analysis: Persian and English research articles abstracts in law discipline. *Journal of Teaching English for Specific and Academic Purposes*, 5(4), 739-753.
- Hartley, J. (2003). Improving the clarity of journal abstracts in psychology: The case for structure. *Science Communication*, 24(3), 366-379.
- Hilpert, M. and Saavedra, D. C. (2017). Using token-based semantic vector spaces for corpus-linguistic analyses: from practical applications to tests of theoretical claims. *Corpus Linguistics and Linguistic Theory*, 16(2). <https://doi.org/10.1515/cllt-2017-0009>
- Hyland, K. (2000). *Disciplinary discourses: Social interactions in academic writing*. Longman.
- Johns, A. M. (2015). Moving on from genre analysis: An update and tasks for the transitional student. *Journal of English for Academic Purposes*, 19, 113-124.
- Kanafani, A., Kurniawan, E., & Lubis, A. H. (2022). A move analysis of abstracts in a Scopus-indexed applied linguistics journal from different quartiles. *RETORIKA: Jurnal Ilmu Bahasa*, 8(1), 1-12.
- Kaya, F. & Yağız, O. (2020). Move analysis of research article abstracts in the field of ELT: A comparative study. *Journal of Language and Linguistic Studies*, 16(1), 390-404.
- Khairul Firhan, Y. & Ahmad Nazri J. (2022). A comparative move analysis of abstracts in a multidisciplinary conference proceeding: Hard sciences vs soft sciences. *Gading Journal for Social Sciences*, 25(1), 1-10.
- Khairul Firhan, Y. & Khairunisa, N. (2023). A linguistic analysis of farewell emails by Malaysian workers. *ESTEEM Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(2), 56-70.
- Li, W. (2015). The cultural ID in the modal system: a contrastive study of English abstracts written by Chinese and native speakers. *English Today*, 32(4), 6-11.
- Mohd Azhar, A.H. & Kassim, T. (2022). UA, ahli akademik tak boleh culas martabat Bahasa Melayu tinggi. *Berita Harian*.
- Nathan, P. (2016). Analysing options in pedagogical business case reports: Genre, process and language. *English for Specific Purposes*, 44, 1-15.
- Perek, F. (2016). Using distributional semantics to study syntactic productivity in diachrony: a case study. *Linguistics*, 54(1). <https://doi.org/10.1515/ling-2015-0043>
- Pratiwi, S. N., & Kurniawan, E. (2021). Rhetorical move and genre knowledge development of English and Indonesian abstracts: A comparative analysis. *Studies in English Language and Education*, 8(3), 885-900.
- Salager-Meyer, F. (1990). Discoursal flaws in medical English abstracts: A genre analysis per research-and text-type. *Text*, 10(4), 365-384.
- Samraj, B. (2005). An exploration of a genre set: Research article abstracts and introductions in two disciplines. *English for specific purposes*, 24(2), 141-156.

- Suryawinata, V. Z., Kurniawan, E., & Lubis, A. H. (2023). A Genre Analysis of Science and Technology Scopus-Indexed Journal Articles: Does Impact Factor Project Different Rhetorical Moves?. *JL3T (Journal of Linguistics, Literature and Language Teaching)*, 9(1), 9-33.
- Swales, J. M. (1990). *Genre Analysis: English in academic and research settings*. Cambridge University Press.
- Tuty Haryanti, A. R. (2023, Jun 15). KPT mahu semua IPT martabat Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu. *Berita Harian*.